



## SIARAN MEDIA

### BAYARAN CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Tempoh bayaran cukai taksiran MPS bagi penggal 2/2019 akan berakhir pada 31 Ogos 2019. Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran sebelum tarikh tersebut bagi mengelakkan caj lewat RM20.00 yang akan dikenakan bermula 1 September 2019. Untuk makluman, MPS telah mengeluarkan sebanyak 129,170 bil cukai taksiran berjumlah RM 47.4 juta kepada semua pemilik harta.

Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

Bagi pemilik yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan pada setiap minggu.

Untuk memudahkan orang ramai, kaunter bayaran di Ibu Pejabat MPS dan juga kaunter cawangan Rawang akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari pada setiap hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sepanjang bulan Ogos 2019. Orang ramai juga boleh menjelaskan bayaran cukai taksiran melalui pelbagai kemudahan bayaran seperti di kaunter-kaunter PBT seluruh Selangor, cawangan-cawangan bank terpilih serta melalui Internet Banking.

MPS juga telah memperkenalkan kiosk bayaran elektronik yang ditempatkan di lobi kaunter bayaran Ibu Pejabat MPS. Sebanyak 5 buah kiosk disediakan bagi memudahkan urusan orang ramai membuat bayaran cukai taksiran bagi semua PBT di seluruh Selangor.

Sebarang pertanyaan berkaitan cukai taksiran, orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Hasil, Jabatan Perpendaharaan di talian 03-6126 5800 atau layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 21 Jun 2019